

NOMBOR TELEFON DISALAH GUNA DAFTAR 'TIDUR DALAM KUBUR'

Pelajar UMS buat laporan polis

7/3/2019 7/3/19 8/HARIAN.

Kuala Lumpur: Seorang pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) membuat laporan polis dan mendakwa nombor telefonnya disalah guna oleh 'Encik Selamat' bagi pendaftaran pertandingan 'Tidur Dalam Kubur' di Hulu Langat, Selangor yang tersebar luas di media sosial.

Julie Christine Martin, 21, membuat laporan di Balai Polis Alamesra, Kota Kinabalu, Sabah tengah hari semalam, selepas berasakan keselamatannya terancam.

Beliau turut menerima lebih

500 pertanyaan menerusi aplikasi WhatsApp dan puluhan panggilan telefon daripada individu tidak dikenali sejak jam 8 pagi semalam.

Tak mahu diganggu

"Ketika ini, saya meletakkan telefon dalam mod penerbangan kerana tidak mahu diganggu.

"Saya turut meminta rakan yang menggunakan nama 'Hayalee Ana' di media sosial Facebook (FB) untuk menjelaskan nombor telefon saya disalah guna.

"'Hayalee Ana' turut memak-

lumkan saya tidak tahu-menahu mengenai pertandingan yang menyalahgunakan nombor telefon saya itu," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Mesej berhubung pertandingan 'Tidur Dalam Kubur' yang tersebar di media sosial itu, antara lain menawarkan orang ramai tidur bertutup liang lahad selama lapan jam bermula tengah malam hingga Subuh di kawasan perkuburan Hulu Langat, Selangor, 23 Mac ini.

Pertandingan yang kononnya bermatlamat memberi

kesedaran dalam kalangan umat Islam mengenai kematian itu, menawarkan hadiah pakej umrah dan wang tunai RM5,000 bagi pemenang pertama, manakala hadiah kedua dan ketiga masing-masing wang tunai RM3,000 dan RM1,000.

Julie Christine yang beragama Kristian dan kini mengikuti pengajian dalam jurusan kejururawatan, berkata, ia kali pertama nombor telefonnya disalah guna pihak tidak bertanggungjawab dan tidak mengetahui motif ia dilakukan.